

Soalan Lazim

1 Mengapa saya tidak lagi menerima penyata salinan bercetak dan e-mel penyata setengah tahun selepas Disember 2019?

Seiring dengan inisiatif kami untuk mendukung dasar mesra alam, HLB dan HLISB komited untuk mengurangkan pencetakan kertas bagi menguruskan jejak alam sekitar bagi operasi kami. Dengan menyediakan e-penyata setengah tahun atas talian, separuh jumlah kertas yang digunakan untuk percetakan dapat dikurangkan.

Berpandukan kepada etos kami iaitu 'Digital at Core', e-penyata setengah tahun dan tahunan sedia ada untuk dilihat atau dimuat turun di platform perbankan dalam talian HLB Connect.

Kami menggalakkan pelanggan kami memuat turun penyata melalui HLB Connect yang lebih pantas, selamat dan mudah.

2 Bilakah saya akan berhenti menerima penyata salinan bercetak dan e-mel penyata setengah tahun?

Mulai Jun 2020, anda tidak akan lagi menerima penyata kertas and e-mel penyata setengah tahun.

3

Bagaimanakah saya mendaftar untuk e-Penyata (untuk individu)?

- Jika anda adalah pelanggan sedia ada akaun peribadi dalam talian, log masuk ke HLB Connect untuk memuat turun penyata anda:



Log masuk ke
www.hongleongconnect.com.my

- Jika anda tidak mempunyai akaun peribadi dalam talian dan ingin mendaftar untuk perkhidmatan perbankan dalam talian kami, sila ikuti langkah berikut:

LANGKAH 1



Layari www.hongleongconnect.com.my dan klik 'Register'

LANGKAH 2



Pilih produk semasa anda untuk pengesahan diri. Jika anda memegang Kad Debit dan Kredit, sila daftar menggunakan Kad Debit anda.

Nota: Tidak sah untuk Kad Debit Junior atau Kad Kredit Tambahan

LANGKAH 3



Masukkan butiran kad/akaun anda dan ikuti arahan untuk mewujudkan maklumat log masuk anda, termasuk Nama pengguna, Kata laluan, Gambar Keselamatan & Soalan Keselamatan.